



## Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 6, Issue 7, July 2021

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:  
[www.msocsciences.com](http://www.msocsciences.com)

### Transformasi Bangunan Warisan Bersejarah: Suatu Tinjauan Menyeluruh

Nik Saiful Ameyrul Bin Nik Hanapi<sup>1</sup>, Noria Tugang<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Program Seni Liberal, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)

Correspondence: Nik Saiful Ameyrul Bin Nik Hanapi (ameyrul96@gmail.com)

#### Abstrak

Bangunan warisan bersejarah merupakan satu khazanah peninggalan warisan yang tidak ternilai harganya. Kewujudannya banyak memberikan manfaat kepada negara, baik dari aspek sosial mahupun pendidikan dan juga ekonomi. Justeru, berdasarkan tinjauan daripada kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa melalui transformasi dan pemuliharaan bangunan-bangunan warisan bersejarah merupakan satu langkah pekekalan dan kelestarian bangunan warisan bersejarah. Impak daripada kewujudan khazanah warisan seperti bangunan warisan bersejarah ini dapat memberi ilmu pengetahuan berkaitan bangunan warisan bersejarah dan sekali gus boleh dijadikan bahan rujukan kepada generasi masa hadapan. Kajian ini menerangkan keperluan transformasi bangunan warisan bersejarah yang menjadi sesuatu produk baharu yang boleh mendatangkan hasil kepada negara. Kepentingan transformasi terhadap bangunan warisan bersejarah juga turut dikupas secara ringkas dalam kajian bagi memberi pendedahan dan ilmu pengetahuan kepada semua lapisan masyarakat serta pihak yang bertanggungjawab terhadap penjagaan bangunan warisan bersejarah ini. Harapan daripada kajian ini supaya khazanah warisan ini dapat dikekalkan pada masa hadapan dan banyak lagi usaha yang bakal dicadangkan bagi melestarikan bangunan warisan bersejarah ini.

**Kata kunci:** transformasi, pemuliharaan, bangunan warisan bersejarah

### Historical Heritage Buildings Transformation: A Comprehensive Review

#### Abstract

The historical heritage building is an invaluable heritage treasure. It provides benefits to this country including social, educational and economic aspects. Therefore, through the transformation and conservation of historical heritage buildings, preservation and sustainability can be implemented. The impact of the heritage treasures such as historical heritage buildings can provide knowledge and can be used as reference material for future generations. This study describes the need for the transformation of historical heritage buildings into a new product that can benefit to the country. The importance of transformation of historical heritage buildings can provide exposure and knowledge to society and those responsible to the Historical Heritage Buildings. Perhaps, this study can sustain the heritage treasure in the future and efforts will be proposed to preserve this historical heritage building.

**Keywords:** transformation, conservation, historical heritage building

## Pengenalan

Era globalisasi pada hari ini telah membuktikan bahawa pembaharuan atau transformasi yang berlaku pada sesuatu perkara mahupun bidang dapat memberikan sesuatu kesan yang holistik daripada sebelumnya. Transformasi yang dilakukan adalah bertujuan untuk mencapai satu matlamat yang baharu dan merupakan langkah yang positif bagi mendapatkan sesuatu yang lebih baik. Pada April 2009, mantan Perdana Menteri Malaysia yang ke enam Yang Berhormat Dato Sri Haji Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak telah melancarkan Program Transformasi Kerajaan, pelancaran program ini bertujuan untuk mentransformasikan kerajaan dan meningkatkan kualiti dan taraf hidup rakyat Malaysia. Dalam melaksanakan inisiatif ini, dua objektif telah dikemukakan untuk merealisasikan wawasan mantan Perdana Menteri ini selari dengan konsep “1 Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan. Objektif transformasi ini adalah untuk menjadikan kerajaan sebagai sebuah entiti yang memberikan kesan yang baik dan bertanggungjawab. Seterusnya menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara bersatu-padu, selamat dan adil dengan kualiti untuk yang tinggi untuk semua lapisan masyarakat dalam negara ini (Badaruddin et al., 2010).

Kajian ini memfokuskan kepada transformasi bangunan warisan bersejarah dalam konteks pengkalan bangunan warisan bersejarah. Khazanah warisan bersejarah ini merupakan hasil tinggalan sejarah yang tidak ternilai harganya baik dari segi nilai sejarah, mahupun kemajuan era dan budaya. Wujudnya bangunan-bangunan warisan bersejarah di Malaysia adalah hasil daripada penaklukan oleh Belanda, British dan Portugis pada zaman kolonial dahulu. Kegunaan dan fungsi sesebuah bangunan warisan bersejarah pada masa itu ditentukan oleh penaklukan ketika itu. Apabila berlakunya peredaran zaman, kebanyakan dari bangunan warisan bersejarah ini telah dimamah usia dan tidak digunakan lagi. Oleh itu transformasi bangunan warisan bersejarah pada abad ke-21 ini menjadi satu keperluan bagi mengekalkan bangunan warisan bersejarah supaya tidak terbiar begitu sahaja.

Transformasi boleh dilakukan dalam pelbagai aspek sebagai contoh transformasi digital, pendidikan, pengurusan, kepimpinan dan termasuklah terhadap bangunan atau monumen warisan bersejarah. Transformasi bangunan warisan bukan sesuatu yang asing pada abad ini, terdapat banyak bangunan warisan atau sejarah yang telah ditransformasikan dan diubahsuai menjadi muzium, pejabat kerajaan, restoran, *cafe* dan kedai buku dan hotel. Menurut Melville dan Gordon (1992) dalam (Mootar, 2019) menyatakan bahawa fungsi bangunan yang sering diubah adalah daripada sebuah pejabat menjadi rumah kediaman, bangunan industri diubah menjadi pusat pameran, rumah kedai dijadikan *cafe*, istana lama dijadikan muzium, pejabat dijadikan *cafe*, dan rumah agam dijadikan hotel. Walau bagaimana pun, keaslian bangunan tersebut masih dikekalkan. Transformasi ini juga telah merencanakan lagi nadi industri pelancongan dalam negara ini.

Rajah 1: Mingle and Leaf & Co



Contoh bangunan warisan bersejarah yang telah berjaya ditransformasikan adalah bangunan rumah kedai yang mana telah wujud pada era kolonial lagi. Bangunan ini pada awalnya merupakan rumah kedai dan telah ditransformasikan menjadi farmasi, namun kini telah menjadi hostel dan *cafe* iaitu *Mingle and Leaf & Co*.

## Latar Belakang

Bangunan warisan bersejarah ini ditransformasikan bukan hanya untuk dijadikan sesuatu kawasan yang baharu tetapi merupakan satu usaha untuk memelihara bangunan warisan bersejarah dari dimusnahkan begitu sahaja. Dalam kajian Kamal (2007) dalam Haliza et al. (2017) menyentuh hal-hal yang berkaitan pendekatan yang digunakan dalam pemuliharaan bangunan bersejarah di Malaysia. Pendekatan yang dimaksudkan adalah kaedah yang digunakan dalam pemuliharaan bangunan bersejarah seperti membina semula, menggunakan semula, mengembalikan semula keadaan asal bangunan bersejarah tersebut. Terdapat juga pendekatan lain yang diambil tetapi kurang sesuai diguna pakai dalam kerja-kerja pemuliharaan bangunan bersejarah, ini secara tidak langsung akan menjejaskan keaslian serta struktur seni bina dan fabrik yang terdapat pada sesebuah bangunan bersejarah.

Terdapat sesetengah bangunan warisan bersejarah tidak ditransformasikan dan diubahsuai sepenuhnya, hal ini kerana sesetengah bangunan warisan bersejarah ini mempunyai keunikannya yang tersendiri dan keunikan itu perlu dikekalkan. Menurut Powell (1994) di dalam Mootar (2019) berpendapat bangunan-bangunan bersejarah mempunyai keunikan dan keistimewaan dari segi gaya seni bina, justeru itu proses transformasi hanya dilakukan pada sesetengah bahagian sahaja.

Tujuan utama bangunan warisan bersejarah ini ditransformasikan adalah untuk mengekalkan dan mengawal kepentingan sesuatu budaya di mana tempat bangunan itu didirikan. Arus pemodenan semasa telah menyebabkan sebahagian struktur bangunan mengalami kerosakan. Jadi disini pentingnya peranan kita untuk memelihara dan memulihara bangunan warisan bersejarah ini agar dapat menjadi tatapan generasi akan datang. Pemuliharaan juga dapat menjamin keutuhan dan keselamatan bangunan tersebut untuk kegunaan pada masa akan datang (Zuraidi, 2014).

Proses pemeliharaan melibatkan beberapa kaedah, setiap kaedah melibatkan tahap perubahan yang berbeza terhadap fabrik atau struktur sesuatu tempat kerana ia spesifik kepada jenis-jenis tindakan (Kamis, 2012). Orbasli (2008) berpendapat bahawa bangunan bersejarah adalah merupakan sebahagian daripada alam bina yang wajar dikekalkan. Dengan mengekalkan bangunan-bangunan warisan bersejarah ini, ia dapat memberikan manfaat kepada masyarakat dan negara.

## Transformasi

Transformasi merupakan satu proses perubahan secara berperingkat atau beransur-ansur sehingga sampai pada satu tahap iaitu *ultimate*. Proses ini menggunakan mekanisme memberi tindak balas terhadap pengaruh yang mempunyai unsur eksternal dan internal yang akan mengarahkan perubahan dari bentuk sebelumnya melalui proses menggandakannya secara berulang-ulang.

Menurut Carzo dan Yanouzas perubahan atau dengan kata nama lainnya adalah transformasi yang mana bermaksud satu pola penukaran kelakuan atau status yang stabil kepada satu pola kelakuan dan suatu yang lain. Selain itu, Stoner (1999) memberi bertanggung bahu bahawa transformasi ini sebagai proses perubahan yang berlaku kepada organisasi sama ada dirancang ataupun tidak dirancang. Di samping itu, Quinn (1996) berpendapat bahawa perubahan organisasi melibatkan segala bentuk modifikasi yang bermakna yang telah dilakukan oleh seseorang pemimpin terhadap sebahagian atau keseluruhan jentera organisasi (Rusinin et al., 2013).

Menurut Greenberg dan Baron pula menganggap transformasi sebagai satu kaedah perubahan yang berlaku secara terancang atau tidak terancang terhadap struktur, teknologi dan individu dalam organisasi. Disokong oleh Bright dan Maron berpendapat bahawa pengurusan tranfomasi ini merupakan satu proses pembaharuan yang dilakukan secara berterusan oleh organisasi dari segi hala tuju, struktur atau kemampuan bagi memenuhi keperluan pelanggan (Yusof, 2008).

Laseau (1980) menyenaraikan empat kategori transformasi dan ianya diterangkan di dalam penyelidikan Alamsyah et al., (2019) iaitu:

- i. Transformasi bersifat *tipologikal* (geometri) bentuk geometri yang berubah dengan komponen pembentuk dan fungsi ruang yang sama.
- ii. Transformasi bersifat *gramatikal* hiasan (*ornamental*) dilakukan dengan menggeser, memutar, mencerminkan.
- iii. Transformasi bersifat *refersal* (pertentangan) pertentangan di antara gambaran atau figura objek yang akan ditransformasikan di mana gambaran objek diubah menjadi gambaran sebaliknya.
- iv. Transformasi bersifat *distortion* (memutarbelitkan) memutarbelitkan dalam kebebasan membuat perancangan.

## Bangunan Warisan Bersejarah

Bangunan warisan bersejarah ialah bangunan lama hasil daripada zaman kolonial. Pada ketika itu, bangunan-bangunan warisan bersejarah ini berfungsi sebagai bangunan pentadbiran kerajaan, bangunan awam, sekolah, dan monumen seperti menara jam. Di Malaysia terdapat pelbagai jenis bangunan warisan bersejarah, merujuk kepada kajian inventori bangunan warisan di Malaysia yang telah dilakukan oleh muzium negara pada 1992, dianggarkan terdapat lebih daripada 35,000 buah monumen atau bangunan sebelum perang di dalam 265 buah bandar yang dikaji (Idid, 1995).

Jabatan Warisan Negara memberikan makna bahawa bangunan bersejarah merupakan sesuatu bangunan atau kumpulan bangunan yang mana diasingkan atau bersambung dengan seni binanya, tempatnya dalam landskap mempunyai nilai *universal value* yang dapat ditonjolkan dari sudut pandangan sejarah, seni atau sains Kamal (2010). Manakala Fielden (1994) pula mendefinisikan bahawasanya bangunan sejarah merupakan satu bangunan bersejarah yang dapat memberi kita satu perasaan kagum dan dapat melahirkan perasaan ingin mengetahui dengan lebih jelas berkaitan dengan bangsa dan budaya yang menghasilkannya.

Fielden (1994) berpendapat sekiranya sesebuah bangunan itu telah bertahan sehingga 100 tahun usia penggunaannya, sewajarnya diiktiraf sebagai monumen atau bangunan bersejarah. Malaysia juga kaya dengan warisan monumen dan bangunan bersejarah, kebanyakan daripada monumen atau bangunan bersejarah ini telah disenaraikan sebagai monumen atau bangunan warisan dan ianya telah dibina di antara tahun 1800 hingga 1900. Sesebuah bangunan itu boleh digelar sebagai bangunan warisan sekiranya ia mempunyai nilai seperti seni bina, estetik, sejarah, dokumentari, arkeologi, ekonomi, sosial, politik, rohani dan simbolik.

Rajah 2: *The Old Courthouse*, Sarawak (1924) dan Kota A Famosa, Melaka (1511)



## Transformasi Bangunan Warisan Bersejarah

Sesungguhnya bangunan warisan bersejarah haruslah dipelihara struktur kewujudannya, bangunan warisan bersejarah mempunyai kisah dan peristiwa bersejarah pada era kolonial dahulu. Setiap daripada



bangunan warisan bersejarah ini membawa maksud dan nilai tersendiri. Menurut Powell (1994) di dalam Mootar (2019) bangunan bersejarah ini merupakan suatu warisan yang mempunyai nilai tersirat dan juga tersurat. Ada di antaranya dapat disentuh dan dilihat dengan pancaindera secara realiti, kewujudan bangunan ini juga dapat dihayati dengan penuh makna tidak kira dari sekecil-kecil artifak sehinggalah kepada bangunan dan tapak-tapak bersejarah.

Sejarah pembaikan bangunan warisan bersejarah ini mungkin telah bermula semenjak bermulanya sejarah sesebuah bangunan itu sendiri (Datel & Williams, 1984). Di Malaysia sejarahnya masih belum dapat disahkan lagi bagaimana bermulanya pembaikan atau pemuliharaan bangunan warisan bersejarah. Perkara ini masih boleh dianggap baru, memandangkan kurangnya pendedahan yang meluas oleh pihak berkuasa dan badan-badan bukan kerajaan dalam melaksanakannya.

Transformasi bangunan warisan bersejarah merupakan tindakan yang sama seperti pemuliharaan bangunan warisan bersejarah, bagi mengekalkan kelestarian warisan bersejarah ini. Bangunan warisan bersejarah perlu dipulihara dan dipelihara kerana ia adalah warisan bersejarah negara yang tidak ternilai harganya. Tambahan pula, sekiranya bangunan warisan bersejarah ditransformasikan menjadi suatu bangunan yang baharu dan mempunyai fungsi yang lain dari asalnya, bangunan ini secara tidak langsung berpotensi untuk dikomersialkan semula.

Akta Benda Purba 1976 (bil.168) menjelaskan bahawa kerja-kerja pemuliharaan termasuk mengawal, memulihara, menyelidik, melindungi monumen lama dan tapak sejarah adalah penting untuk menjadi sumber kajian maklumat mengenai sejarah dan identiti budaya masa lampau. Ini dapat dilihat daripada nilai seni bina sesuatu bangunan serta lokasi bangunannya yang boleh dijadikan sumber kajian budaya dan warisan. Dari aspek arkeologi, tembok kota dan kedudukan kolonial masa lampau boleh dijadikan sumber kajian yang amat penting kepada pengkaji-pengkaji arkeologi. Terdapat beberapa fasa atau proses yang perlu dititikberatkan dalam mentransformasikan bangunan warisan bersejarah, hal ini bersangkut paut dengan struktur dan rupa bentuk sesebuah bangunan itu sendiri. Ada di antara sesetengah bangunan, tidak perlu diubah secara menyeluruh dan sebaliknya (Yusuf et al., 2011)

## **Kepentingan Transformasi Terhadap Bangunan Warisan Bersejarah**


Kesedaran mengenai kepentingan pemuliharaan bangunan warisan bersejarah pada hari berada di paras membimbangkan, hal ini dapat dilihat pada sesetengah bangunan warisan bersejarah yang sedang dimamah usia dan mengalami kerosakan. Tambahan pula, menurut (Ahmad, 2009) terdapat bangunan warisan bersejarah ini tidak diselenggarakan dengan baik dan sebahagian daripadanya berada dalam keadaan yang usang berpunca dari faktor kerosakan bangunan ini sendiri. Lebih menyedihkan lagi, ada di antara bangunan warisan bersejarah ini sedang menunggu masa untuk musnah, kerana diabaikan oleh pemilik asal dan lebih malang lagi ada juga yang dirobuhkan bagi tujuan pembangunan serta tiada sifat keprihatinan dalam kalangan masyarakat bagi tujuan memulihara bangunan warisan bersejarah ini (Hamilton & Md Ali, 2002).

Sesetengah bangunan warisan bersejarah di negara ini berada dalam keadaan uzur dan ada diantaranya telah menjangkau usia ratusan tahun lamanya, usaha baik pulih bangunan warisan bersejarah ini teramatlah perlahan dan sesetengah pihak memandang enteng berkaitan hal ini. Di samping itu, aspek penyenggaraan tidak menjadi pilihan utama di oleh sesetengah pihak khususnya mereka yang berada dalam industri binaan. Menurut Hamilton dan Md Ali (2002), sesebuah bangunan seharusnya mengamalkan pengurusan yang sistematik dengan menyediakan jadual bagi menjalankan penyenggaraan secara berkala dengan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Sekiranya perkara ini tidak dipraktikkan, bangunan-bangunan ini akan mudah rosak dan menjadi usang. Justeru itu, bagi mengekalkan dan melindungi pelaburan untuk sesebuah organisasi pemilikan bangunan, sistem penyenggaraan haruslah dirancang dengan sebaik yang mungkin.

Merujuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (1996) menggariskan enam kepentingan utama berkaitan transformasi dan pemuliharaan bangunan warisan bersejarah:

- i. Mengekalkan nilai-nilai warisan budaya sebagai langkah ke arah pembentukan identiti reka bentuk tempatan.
- ii. Memulihara dan mengekalkan elemen karakter, sejarah dan reka bentuk seni bina yang unik dan menarik.
- iii. Mengekalkan nilai-nilai sejarah dan kenangan tentang kewujudan sesebuah bandar raya.
- iv. Meningkatkan taraf bangunan bersejarah dari masalah seperti kadar keusangan yang tinggi dan kurang penyelenggaraan.
- v. Menyeimbangkan integrasi pembangunan antara bangunan lama dengan yang baru.
- vi. Menyimpan rekod seni bina silam sebagai rujukan pada masa yang akan datang.

Rajah 3: Kepentingan transformasi bangunan warisan bersejarah



### ***Pendidikan***

Pengekalan bangunan warisan bersejarah pada hari ini sangat memainkan peranan dalam aspek pendidikan negara khususnya penyelidik dan para pelajar. Wujudnya bangunan warisan bersejarah dapat membantu para penyelidik yang ingin menjalankan kajian mereka yang mana berkaitan bangunan warisan bersejarah, bahkan keberadaan bangunan ini dapat dijadikan lokasi kajian dan sekali gus boleh dijadikan rujukan untuk mendapatkan data serta maklumat yang diperlukan oleh penyelidik bagi menyelesaikan kajian yang dijalankan. Pelajar sekolah dapat meningkatkan ilmu pengetahuan berkaitan bangunan warisan bersejarah dengan mengikuti lawatan yang dianjurkan oleh pihak sekolah ataupun pihak penganjur luar. Bagi di peringkat universiti pula, tugas-tugas yang berkaitan bangunan warisan bersejarah dapat dirujuk dan ditinjau, sekiranya bangunan masih utuh dan diselenggarakan dengan baik. Contohnya, tugas berkaitan pengurusan bangunan warisan bersejarah dan sejarah penubuhan sesuatu bangunan, ianya sedikit sebanyak dapat membantu pelajar dalam melengkapkan tugas mereka. Merujuk contoh yang diberikan oleh Ahmad (1994), terdapatnya bangunan-bangunan warisan bersejarah dan pancutan air Horse di sekitar Dataran Merdeka dan Masjid Jamek yang ditubuhkan pada tahun 1909 di pertemuan Sungai Gombak dan Kelang di Kuala Lumpur, kewujudan pancutan air Horse yang telah dibina berdekatan Dataran Merdeka di persimpangan Jalan Raja dan Jalan Raja Laut pada tahun 1897 mempunyai kepentingan yang tersendiri dimana ianya dibina bagi memperingati seorang inspektor polis negeri Selangor iaitu Encik Steve Harper. Hal ini jelas dengan adanya bangunan warisan bersejarah ini, seseorang itu dapat memahami nilai kepentingan pusat bandar Kuala Lumpur di era kolonial British, walaupun kebudayaan dan kehidupan masyarakat penjajah pada ketika itu. Seterusnya Bangunan Kelab Diraja Selangor yang telah wujud pada tahun 1890 dan Padang atau Dataran Merdeka telah dibina untuk rekreasi dan kemudahan sosial khasnya kepada rakyat British dan Eropah yang bertugas di Tanah Melayu pada akhir abad ke-19.

### ***Pelancongan***

Sektor pelancongan merupakan penyumbang utama kepada ekonomi negara yang mana sebahagian daripada sektor pelancongan ini datangnya dari hasil transformasi bangunan warisan bersejarah yang

sedia ada. Pemuliharaan dan pengekalangan bangunan warisan bersejarah ini secara tidak langsung dapat meningkatkan lagi pendapatan ekonomi negara khususnya melalui sektor pelancongan. Warisan bersejarah yang nyata seperti bangunan, monumen dan tapak-tapak tinggalan merupakan salah satu daripada komponen penting dalam pembentukan produk pelancongan. Perkara sebegini jelas kita dapat lihat menjadi trend masa kini dimana kawasan warisan bersejarah ini menjadi salah satu tarikan kedatangan pelancong. Bangunan warisan bersejarah yang telah ditransformasikan atau diubah suai menjadi satu produk baharu yang lebih menarik seperti galeri, muzium, *hostel*, restoran dan pusat pelancongan. Menurut Melville dan Gordon (1992), fungsi bangunan yang sering diubah adalah daripada sebuah pejabat menjadi rumah kediaman, bangunan industri diubah menjadi pusat pameran, rumah kedai dijadikan kafe, istana lama dijadikan muzium, pejabat dijadikan kafe, rumah agam dijadikan hotel dan sebagainya (Mootar, 2019). Hal-hal sebegini telah berjaya dilakukan oleh negara-negara luar seperti di Eropah iaitu Perancis, Venice dan Pisa di Italy; dan juga Amsterdam di Belanda yang mana mengekalkan bangunan warisan mereka dengan cara mentransformasikannya menjadi produk pelancongan. Langkah proaktif sebegini berjaya meningkatkan jumlah kedatangan pelancongan dari pelbagai negara untuk berkunjung ke negara ini. Pelancong yang mengunjungi negara ini bukan sahaja dapat menikmati keindahan bentuk muka bumi negara kita, malah dapat berkunjung ke bangunan-bangunan warisan bersejarah selain daripada melihat artifak-artifak di dalam galeri dan muzium.

### ***Kesedaran masyarakat***

Masyarakat hari ini kurang didedahkan dengan isu-isu atau berita yang berkaitan dengan bangunan bersejarah. Kefahaman mereka hanyalah sekadar memahami tetapi tidak mendalami ilmu berkaitan bangunan warisan bersejarah. Penglibatan masyarakat dalam kerja-kerja memulihara ini sangatlah berfaedah, mereka bukan sahaja melibatkan diri malah dapat menambahkan ilmu pengetahuan berkaitan bangunan warisan bersejarah khususnya pada golongan muda yang dikatakan menjadi harapan negara di masa akan datang. Pembentukan minda dalam kalangan masyarakat berkaitan dengan aspek penghayatan warisan dan khazanah negara boleh dilakukan melalui pemuliharaan atau transformasi bangunan warisan bersejarah. Aset negara yang tidak ternilai iaitu bangunan warisan bersejarah ini haruslah diwarisi dan dipelihara secara berterusan. Wujudnya bangunan warisan bersejarah dapat membuka mata masyarakat dan mereka dapat menghargai serta peka dengan perkembangan semasa berkaitan dengan sejarah dan peristiwa dahulu. Perkara ini akan melahirkan masyarakat yang peka dan sensitif terhadap pemusnahan dan perobohan terhadap bangunan warisan bersejarah. Umumnya tahu bahawa kesedaran masyarakat berkaitan kepentingan bangunan warisan bersejarah masih berada di tahap sederhana, namun begitu perkara ini bukanlah satu halangan yang boleh menyekat usaha-usaha murni ini sebelum khazanah warisan bersejarah lenyap ditelan zaman menurut (Zuraidi et al., 2011).

### **Kesimpulan**

Kajian keperluan transformasi bangunan warisan bersejarah abad ke-21 ini merupakan kayu ukur bagi mengekal atau melestarikan khazanah warisan negara iaitu bangunan warisan bersejarah. Kajian dapat memberikan gambaran berkaitan keadaan bangunan warisan bersejarah di Malaysia. Sungguh pun, bangunan terlihat tidak berharga di mata sesetengah pihak, tetapi realitinya bangunan warisan sangat tidak ternilai harganya. Sekiranya ditransformasikan atau dipulihara dengan baik, nescaya bangunan warisan bersejarah ini mampu menjana pendapatan negara yang lebih lagi di masa akan datang. Kajian ini juga membuktikan bahawasanya bangunan warisan bersejarah sememangnya perlu dipulihara dan ditransformasikan, kerana ianya dapat memberikan manfaat kepada semua aspek seperti pendidikan, industri pelancongan dan kepada masyarakat juga. Dalam masa yang sama usaha-usaha yang dilakukan juga berdepan dengan pelbagai cabaran yang membuatkan usaha-usaha ini menemui jalan buntu dan tidak membuahkan hasil. Usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan atau badan bukan kerja ini haruslah diperkukuhkan lagi dengan menyusun semula strategi atau perancangan yang dapat memberikan impak yang lebih besar kepada warisan seni bina bangunan warisan bersejarah ini. Sehubungan dengan itu, harapan pengkaji juga diharapkan agar transformasi bangunan warisan bersejarah dapat diteruskan di masa akan datang dan tidak diabaikan begitu sahaja.

## Rujukan

- Ahmad, D. A. G. (1994). *Pengenalan kepada bangunan dan monumen lama di Malaysia*. Universiti Sains Malaysia.
- Ahmad, D. A. G. (2009). *Treatment of rising damp and replastering at heritage buildings. Bengkel Bersiri 2009 Konservasi Bangunan Warisan Siri 2: Letaan Kapur*.
- Alamsyah, B., Putra, K. E., & Indira, S. S. (2019). Study of Ecleticism and Architecture Transformation to Make Elements Traditional Architecture Batak Toba in Samosir Island with Latest Architectural Design. *International Journal of Scientific Engineering and Scien*, 3(6), 66–69.
- Badaruddin, S., Ayob, A., & Che Soh, M. (2010). Belia Dan 1Malaysia: Antara Cabaran Dan Harapan. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 2(1), 52–75.
- Datel, R., & Williams, N. (1984). *Annals of the Association of American Geographers*. 73(3), 507–510.
- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. (1996). *Garis Panduan Pengekalan Bangunan Di Dalam Kawasan Pusat Bandar Kuala Lumpur*. Unit Rekabentuk Bandar Dan Warisan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).
- Fielden, B. (1994). *Conservation of Historic Buildings*. Reed Educational and Professional Publishing Ltd.
- Haliza, D., Jamal, D., Ramli, Z., & Surat, M. (2017). Istana Kenangan : Meneroka Integrasi Warisan Budaya Melayu Dan Konservasi Menerusi Pendekatan Suaiguna Semula. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 30(2), 1–10.
- Hamilton, B., & Md Ali, Z. (2002). BS role in conservation works. *2nd. National Conference on Building Control*, 22-23hb. Januari 2002, Selangor. Hilton Hotel, Petaling Jaya.
- Idid, S. Z. A. (1995). *Pemeliharaan warisan rupa bandar : panduan mengenali warisan rupa bandar berasaskan inventori bangunan warisan Malaysia*. Badan Warisan Malaysia.
- Kamal, K. S. (2010). Pengenalan Kepada Pemuliharaan Bangunan Bersejarah. *Proceedings Of The 2nd. Builders Symposium (Busy 2010) "Broadening Horizon Through Built Environment"*, 25th. March 2010.
- Kamis, A. A. (2012). *Pemeliharaan Bandar Taiping Sebagai Bandar Warisan Dan Pelancongan Di Negeri Perak*.
- Mohd Yusuf, Z., Dollah, H., & Kechot, A. S. (2011). Akta warisan kebangsaan, 2005: tinjauan sepintas lalu. *Jurnal Melayu*, 8(8), 173–188.
- Mootar, M. Q. (2019). Pemuliharaan Bangunan Warisan Dari Aspek Sejarah Di George Town, Pulau Pinang. In *Universiti Sains Malaysia*.
- Orbasli, A. (2008). *Architectural conservation*. Oxford.
- Rusinin, M. ., Ahmad, N. ., Juhari, N. ., & Hamdani, N. A. . (2013). *Psikologi Organisasi : Transformasi Dalam Organisasi*. <https://www.slideshare.net/ainafaatihah/psikologi-organisasi-transformasi-dalam-organisasi>
- Yusof, A. A. (2008). *Mengurus Perubahan*. Arah Publications.
- Zuraidi, S. N. F. (2014). Model Rangka Kerja Pemuliharaan Struktur Fabrik Bagi Bangunan Bersejarah. *Tetrahedron Letters*, 55, 3909.
- Zuraidi, S. N. F., Akasah, Z. A., & Rahman, M. A. A. (2011). Masalah dalam Pemuliharaan Bangunan Warisan di Malaysia. *Persidangan Kebangsaan Sains Sosial Unimas 2011 : Pembangunan Ke Arah Masa Depan Yang Mapan*, April, 1–12.